

Kertas Konsep Pengintegrasian Ayat Hafazan al-Quran dengan Ilmu Aqli: Ke Arah Pembangunan Model di Kolej GENIUS Insan

A Conceptual Paper on The Integrating Quranic Memorised Verses with Aqli Knowledge: Towards the Development of Model in Kolej GENIUS Insan

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi¹, Muhammad Hafiz Saleh², Adibah Sulaiman³

¹ Pusat Pengajian Siswazah & Kolej GENIUS Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

³ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

Progres artikel

Diterima: 15 Januari 2022

Disemak: 10 Mac 2022

Diterbit: 31 Mei 2022

*Perhubungan pengarang:
Ahmad Bazli Ahmad Hilmi,
Pusat Pengajian Siswazah &
Kolej GENIUS Insan,
Universiti Sains Islam
Malaysia, Nilai, Malaysia;
Email:
ahmabazli@usim.edu.my

Abstrak: Pendidikan tahfiz di Malaysia semakin berkembang dengan pengenalan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Mutakhir ini terdapat usaha untuk mengintegrasikan hafazan al-Qur'an dengan subjek-subjek akademik yang dipelajari pelajar. Namun, model integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli berlandaskan disiplin ilmu tafsir bagi kegunaan pelajar peringkat menengah belum diketengahkan. Justeru, kertas konsep ini menengahkan cadangan penyelidikan untuk membangunkan model pengintegrasian ayat hafazan al-Quran dengan ilmu aqli di Kolej GENIUS Insan menggunakan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan. Menerusi kertas konsep ini, Teori al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan, teori konstruktivisme, Model Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Adnan, dan Model Pembelajaran Berasaskan Pertanyaan Pedaste akan menjadi teori dan model sandaran dalam pembangunan model tersebut.

Kata kunci: kefahaman, tafsir, pendidikan, naqli, dan tahfiz.

Abstract: Tahfiz education in Malaysia is growing with the introduction of the Tahfiz Integrated Curriculum (KBT). Recently, there have been efforts to integrate Quranic memorisation with academic subjects. However, the model of integrating Quranic memorised verses with aqli knowledge based on the discipline of tafsir for the use of secondary level students has not been highlighted. Therefore, this concept paper presents research proposals to develop a model of integrating the Quranic memorised verse with the aqli knowledge in the Kolej GENIUS Insan using Design and Development Research (DDR) approach. Through this conceptual paper, the theory of the Quran as a source of knowledge, constructivism theory, Adnan integration of naqli and aqli knowledge model, and Pedaste inquiry-based learning model will be the basis theory and model in the development of the model.

Keywords: comprehension, exegesis, education, naqli, and tahfiz.

Pendahuluan

Keilmuan dan pendidikan Islam telah mencapai kemuncak semasa pemerintahan Bani 'Abbasiyah dan Umayyah. Perkembangan ilmu naqli adalah hasil kegigihan para ulama dan perkembangan ilmu 'aqli adalah hasil penekanan pemerintah berlaku secara

seiring (Nawi, 2011). Dalam aspek kurikulum, pembelajaran ilmu aqli mula dimasukkan semula dalam kurikulum yang asalnya bertumpu kepada al-Quran. Skop kurikulum menjadi semakin luas dengan melibatkan ilmu-ilmu baharu seperti tafsir, hadith, sastera, matematik, falsafah, astronomi, perubatan dan sebagainya (Nawi, 2011). Aspek bentuk institusi pendidikan pula memperlihatkan terdapat tiga

peringkat dalam kurikulum iaitu pendidikan asas, pendidikan menengah, dan pendidikan tinggi. Pengkhususan bidang hanya dibolehkan setelah seseorang menamatkan pengajian peringkat tinggi dan sesuai dengan bakatnya (Nawi, 2011). Kemunculan cendekiawan Muslim dalam pelbagai bidang seperti Ibn Sina, al-Biruni, al-Khawarizmi, al-Ghazali dan lain-lain merupakan hasil kepada perkembangan ilmu pada zaman tersebut. Isu pertembungan dan dikotomi antara ilmu naqli dan aqli tidak timbul kerana dalam ilmu naqli terdapat ilmu aqli dan ilmu aqli pula adalah berakar daripada ilmu naqli (M. Hashim et al., 2018).

Usaha pengintegrasian ilmu naqli dan aqli (INAQ) pada peringkat menengah di Malaysia dapat dilihat antaranya melalui penubuhan Kolej GENIUS Insan (KGI) (Ahmad et al., 2017) dengan motto "Menjana Cendekiawan Islam". KGI adalah sebuah institusi pendidikan yang menasarkankan pelajar peringkat menengah berbakat dan berbakat (Hussin et al., 2019) yang telah dipilih melalui ujian kecerdasan (Tg Abdul Rahman et al., 2021) untuk menjalani kurikulum khas berbakat dan berbakat (Islaieh et al., 2020) dengan konsep mengintegrasikan pengetahuan naqli dan aqli (Ahmad et al., 2017). KGI menawarkan komponen kurikulum pendidikan kebangsaan sebagai teras utama dan subjek-subjek 'ulumuddin, self-development, research, international language, philosophy, computer science and advanced subject. Misi KGI ialah untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli sebagai prinsip teras membina generasi Islam cemerlang pelbagai bidang ilmu sains dan teknologi untuk kepentingan negara dan ummah (Motto, Misi & Visi – Kolej Genius Insan, n.d.).

Atas dasar ini, KGI diletakkan di bawah naungan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang merupakan pelopor kepada niche tersebut. USIM telah meletakkan garis panduan penerapan INAQ dalam setiap kursus dari segi kandungan; rujukan, dan penilaian (Mamat et al., 2020). Justeru, penerapan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam setiap subjek yang ditawarkan di Kolej GENIUS Insan adalah satu kemestian, ini termasuk subjek Hifz al-Quran yang merupakan salah satu kursus yang berteraskan ilmu naqli. Pelaksanaan INAQ dalam subjek Hifz al-Quran sepatutnya menjadikan pelajar mampu mengintegrasikan ayat hafazan mereka dengan ilmu-ilmu aqli yang dipelajari dalam subjek-subjek lain.

Pelaksanaan INAQ dalam subjek Hifz al-Quran sepatutnya menjadikan pelajar mampu mengintegrasikan ayat hafazan mereka dengan ilmu-ilmu aqli yang dipelajari dalam subjek-subjek lain (Ali et al., 2021). Namun modul pendidikan al-Quran yang digunakan dalam proses pengajaran dan

pembelajaran di KGI berhadapan dengan dua isu utama. Pertama, kefahaman ayat hafazan hanya terbatas kepada kefahaman umum (Hilmi et al., 2017). Kefahaman mendalam terhadap ayat al-Quran adalah amat penting dalam memastikan pentafsiran ayat dilakukan dengan betul (Al-'Ak, 1986). Kedua, tiada panduan secara spesifik digariskan dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli (Hilmi et al., 2017). Tambahan pula panduan INAQ yang digariskan USIM terutama bagi subjek berteraskan ilmu naqli adalah bersifat umum bagi semua subjek (Mamat et al., 2020). Garis panduan khusus diperlukan kepada kursus melibatkan al-Quran seperti di Kolej GENIUS Insan kerana al-Quran mempunyai metodologi tersendiri dan piawaian tertentu dalam berinteraksi dengan ilmu-ilmu aqli yang bersumberkan akal.

Justeru, kajian yang menggunakan pendekatan DDR ini mempunyai tiga objektif utama iaitu mengenal pasti pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli di Kolej GENIUS Insan, mereka bentuk dan membangunkan model pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli yang sesuai dijalankan di Kolej GENIUS Insan dan menilai kebolegunaan Model Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli di Kolej GENIUS Insan.

Sorotan Literatur

1. Teori al-Quran sebagai sumber ilmu pengetahuan


Al-Ghazali (1985) berpandangan al-Quran ibarat lautan dan merupakan sumber kepada ilmu-ilmu daripada zaman dahulu dan moden, sama sungai-sungai yang bercabang dari tepi lautan. Malah beliau menegaskan adalah menjadi tanggungjawab Muslim untuk meneroka dan mencari keajaiban yang terkandung dalam al-Quran dan kehilangan mutiara dan permata daripada al-Quran merupakan satu keaiban akibat pengabaian usaha tersebut. Al-Suyuti (1974) senada dengan al-Ghazali dalam hal ini apabila beliau menyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber penerokaan pelbagai ilmu dan sumber perkembangan ilmu sebagaimana kata-kata beliau:

"Sesungguhnya Kitab kami iaitu al-Quran ialah tempat ledakan ilmu dan punca mata air ilmu, dan ia juga orbit mentari ilmu serta tempat terbitnya. Allah SWT meletakkan padanya ilmu setiap fan, dan Allah SWT menerangkan padanya petunjuk dan kesesatan, dan kamu akan lihat setiap setiap ahli ilmu mengambil daripada al-Quran dan bersandar dengannya."

2. Model Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Adnan

Model integrasi ilmu naqli dan aqli yang dikemukakan oleh Yusuf (2015) meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber, punca, semangat, isyarat penerokaan dan pengembangan ilmu. Selain itu terdapat tiga komponen lain iaitu; pertama, komponen Ilmu-ilmu Islam merangkumi bidang al-Quran, hadis, syariah dan undang-undang, akidah, dakwah, dan bidang-bidang pengajian Islam yang lain. Semua bidang ilmu Islam ini pada hakikatnya sedang berkhidmat menyampaikan al-Quran dan al-Sunnah. Komponen kedua ialah bidang sastera, sains sosial, sains kemanusiaan, ekonomi, perniagaan, psikologi, politik antarabangsa, undang-undang, sosiologi dan antropologi dan pelbagai ilmu lain. Komponen terakhir ialah bidang sains tulen, matematik, perubatan, kejuruteraan, sains komputer, teknologi, farmasi, bio-perubatan, sains pertanian, geografi dan lain-lain. Kerangka model INAQ Adnan dapat dilihat dalam Rajah 1.

Rajah 1. Model INAQ Adnan



Integrasi antara ilmu-ilmu akan berlaku pada setiap tindakan seperti dalam rajah. Pertindanan yang di tengah sekali akan semakin membesar seiring peredaran zaman dan perkembangan ilmu pengetahuan sehingga menghasilkan pelbagai ilmu atau penemuan baharu. Sempadan antara pelbagai disiplin ilmu yang beku dan terpisah akhirnya akan lenyap di mana setiap ilmu bersatu dengan tauhid yang berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah Yusuf (2015).

3. Teori Konstruktivisme

Teori konstruktivisme merupakan teori pengetahuan dan pembelajaran yang menyatakan

individu menjana pengetahuannya sendiri (Narayan et al., 2013; Ültanir, 2012) dan membina pengetahuan dalam proses menangani masalah (Ültanir, 2012) secara individu atau berkumpulan (Narayan et al., 2013). Pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme adalah mencabar dan melibatkan pelajar secara aktif di mana pelajar perlu berdikari mencari maklumat yang diperlukan, mengadakan perbincangan dengan rakan dan membuat olahan sendiri untuk menjana pengetahuan dan menjadikannya lebih bermakna dan kekal (Mohaiadi, 1999). Oleh yang demikian, pembelajaran yang dilalui merupakan hasil usaha pelajar itu sendiri menggunakan pengalaman atau pengetahuan sedia ada mereka dan bukan dipindahkan daripada guru kepada pelajar (Narayan et al., 2013; Zainuddin & Suardi, 2008).

4. Model Pembelajaran Berasaskan Inkuiri Pedaste

Kaedah pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan salah satu kaedah yang mendorong pelajar untuk belajar melalui penyiasatan sesuatu peristiwa berasaskan naluri ingin tahu yang tercetus daripada persoalan-persoalan, penerokaan, dan penemuan maklumat atau konsep dan kemudiannya memberikan maksud kepada penemuan tersebut (Saleh & Siraj, 2016). Model pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste et al., (2015) merupakan hasil penelitian semula terhadap model-model sedia ada menentengahkan lima fasa umum yang berbeza iaitu Orientasi, Konseptualisasi, Penyiasatan, Kesimpulan, dan Perbincangan. Beberapa fasa ini dibahagikan kepada beberapa subfasa. Proses konseptualisasi dibahagikan kepada dua (alternatif) subfasa: Penyoalan dan Penjanaan Hipotesis; fasa Penyiasatan dibahagikan kepada tiga subfasa: Eksplorasi atau Eksperimen yang membawa kepada Tafsiran Data; dan fasa Perbincangan dibahagikan kepada dua subfasa: Refleksi dan Komunikasi. Perincian terhadap definisi setiap fasa dan subfasa dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Definisi fasa dan subfasa Model Pedaste


Fasa Umum	Definisi	Subfasa	Definisi
Orientasi	Proses merangsang rasa ingin tahu tentang topik dan mengemukakan cabaran pembelajaran melalui pernyataan		

	masalah		
Konseptualisasi	Proses menyatakan soalan berasaskan teori dan/atau hipotesis	Penyoalan	Proses menjana persoalan kajian berdasarkan masalah yang dinyatakan
		Penjanaan Hipotesis	Proses menjana hipotesis mengenai masalah yang dinyatakan
Penyiasatan	Proses merancang eksplorasi atau eksperimen, mengumpulkan dan menganalisis data berdasarkan reka bentuk eksperimen atau eksplorasi	Penerokaan	Proses penjanaan data yang sistematik dan terancang berdasarkan soalan penyelidikan
		Pengujikajian	Proses merekabentuk dan menjalankan ujikaji untuk menguji hipotesis.
		Pentafsiran Data	Proses membina makna daripada data yang dikumpul dan mensintesis pengetahuan baru.
Kesimpulan	Proses membuat kesimpulan dari data. Membandingkan inferens yang dibuat berdasarkan data dengan hipotesis atau persoalan kajian.		
Perbincangan	Proses membentangkan penemuan fasa tertentu atau keseluruhan kitaran inkuiri dengan berkomunikasi dengan orang lain dan	Komunikasi	Proses membentangkan hasil fasa siasatan atau keseluruhan kitaran pertanyaan kepada orang lain (rakan sebaya, guru) dan

	/ atau mengawal keseluruhan proses pembelajaran atau fasanya dengan melibatkan diri dalam aktiviti refleksi.		mengumpul maklum balas daripada mereka. Perbincangan dengan orang lain.
		Refleksi	Proses menerangkan, mengkritik, menilai dan membincangkan keseluruhan kitaran siasatan atau khusus fasa. Perbincangan dalaman.

Pembelajaran berasaskan inkuiri Pedaste bermula dengan Orientasi dan berlangsung melalui Konseptualisasi dan Penyiasatan dalam beberapa kitaran. Proses Kesimpulan biasanya merupakan fasa terakhir pembelajaran berasaskan inkuiri. Fasa Perbincangan (yang merangkumi Komunikasi dan Refleksi) pula boleh berlaku pada bila-bila masa sama ada semasa pembelajaran (perbincangan dalam tindakan) atau selepas pembelajaran (perbincangan mengenai tindakan) dan fasa ini menghubungkan semua fasa lain. Rajah 3 menunjukkan proses berlakunya keseluruhan fasa tersebut:


Rajah 2. Model pembelajaran berasaskan pertanyaan Pedaste (fasa umum, subfasa, dan hubungannya)



Kerangka Konsep Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan model integrasi al-Quran dengan ilmu aqli untuk kegunaan pelajar peringkat menengah di Kolej GENIUS Insan yang memberi penekanan kepada kefahaman ayat hafazan yang mendalam dan metodologi integrasi dengan ilmu aqli dalam konteks ilmu tafsir. Kerangka konsep dalam kajian ini memberikan gambaran keseluruhan hubungan antara komponen utama dalam keseluruhan kajian seperti dalam Rajah 1. Teori-teori yang mendasari dalam kajian ini adalah teori Konstruktivism dan al-Quran sebagai sumber teori pengetahuan. Model yang menjadi asas mengintegrasikan al-Quran dengan model ilmu aqli dalam kajian ini adalah model Pembelajaran berasaskan Pertanyaan Pedaste dan model integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli Adnan. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) yang diasaskan oleh (Richey & Klein, 2007) yang kebiasaannya dibahagikan kepada tiga fasa; 1. analisis keperluan 2. reka bentuk dan pembangunan 3. penilaian kebolehgunaan. Setiap fasa dalam DDR akan menjawab soalan penyelidikan menggunakan kaedah tertentu dan hasil penyelidikan ini adalah model mengintegrasikan ayat yang dihafal dengan ilmu aqli.


Rajah 3. Kerangka Konseptual Kajian



Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang diasaskan oleh Richey & Klein's (2007). Pendekatan reka bentuk dan pembangunan secara dasarnya didefinisikan sebagai satu penyelidikan sistematik bagi proses mereka bentuk, pembangunan, dan penilaian yang bermatlamat untuk membangunkan asas empirikal terhadap penciptaan produk dan peralatan instruksional dan bukan instruksional, model baharu atau yang ditambah baik, di mana setiap fasa akan memandu pembangunan tersebut (Richey & Klein's, 2007). DDR umumnya terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan model dan fasa penilaian kebolehgunaan model. (Richey & Klein's, 2007). Kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam DDR dan metodologi yang akan digunakan pada setiap fasa dalam penyelidikan adalah tertakluk kepada objektif kajian dan persoalan kajian (Richey & Klein, 2007). Gambaran yang lebih jelas mengenai metodologi kajian menggunakan pendekatan DDR yang akan dijalankan dapat dilihat dalam Rajah 4.

Rajah 4. Kerangka Metodologi



Berdasarkan Rajah 4, terdapat tiga fasa yang terlibat dalam kajian ini iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan model, dan fasa penilaian kebolehgunaan model. Metode yang akan digunakan berdasarkan objektif dan persoalan kajian dalam setiap fasa telah dimuktamadkan.

Dalam fasa analisis keperluan kaedah temubual akan digunakan melibatkan Guru al-Quran, pelajar,

dan alumni Kolej GENIUS Insan untuk mengetahui pelaksanaan pengintegrasian ayat hafazan al-Quran dengan ilmu aqli. Dalam subfasa reka bentuk, kaedah sorotan literatur dan Focus Group Discussion (FGD) melibatkan tujuh orang pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kajian iaitu tafsir, pedagogi, sains, sains sosial, dan tahfiz digunakan untuk mereka bentuk model. Hasil subfasa ini ialah model prototaip 1. Seterusnya *Fuzzy Delphi Method* (FDM) digunakan pada subfasa pembangunan melibatkan dua belas orang pakar tafsir untuk membangunkan model. Hasil subfasa ini ialah model prototaip 2. Dalam fasa penilaian kebolegunaan, Nominal Group Technique (NGT) digunakan untuk menilai kebolegunaan model prototaip yang telah dihasilkan. Kaedah ini melibatkan sembilan orang pakar dalam bidang pengajian al-Quran.

Implikasi

Kajian ini penting dalam memperkasakan pelaksanaan Hizf al-Quran di Kolej GENIUS Insan yang menggunakan pendekatan integrasi ilmu naqli dan aqli dalam kurikulum. Model integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli yang akan direka bentuk dan dibangunkan bakal menjadi panduan kepada pelajar untuk mengintegrasikan ayat al-Quran dengan ilmu aqli mengikut metodologi yang telah digariskan oleh ulama tafsir. Malah model tersebut turut menggariskan kaedah pemahaman makna al-Quran yang betul sebelum pengintegrasian dilakukan kerana al-Quran merupakan Kalamullah yang mempunyai kaedah tersendiri. Kesilapan dalam pemahaman makna akan membawa kepada tafsiran yang tidak tepat, termasuklah integrasi al-Quran dengan ilmu aqli.

Kesimpulan

Ketiadaan panduan yang jelas dalam melakukan pengintegrasian antara al-Quran dan ilmu aqli dalam konteks ilmu tafsir akan menyebabkan al-Quran difahami dan ditafsirkan dengan cara yang tidak tepat. Al-Quran merupakan Kalamullah yang mempunyai disiplin yang tersendiri dan tidak boleh difahami dan ditafsirkan sesuka hati. Ulama bidang tafsir telah meletakkan metodologi tersendiri dalam berinteraksi dengan teks-teks al-Quran menggunakan akal. Akal manusia tertakluk kepada kebenaran dan juga kesalahan namun al-Quran adalah sesuatu yang pasti benar. Manusia akan terhindar dari kekeliruan dan kesalahan dengan berpandukan wahyu, manakala penggunaan akal akan memantapkan keimanan manusia terhadap wahyu. Oleh yang demikian,

terdapat keperluan untuk membangunkan sebuah model integrasi ayat hafazan dengan ilmu aqli di Kolej GENIUS Insan menggunakan pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang memberi penekanan kepada kefahaman ayat hafazan yang mendalam dan metodologi integrasi dengan ilmu aqli dalam konteks ilmu tafsir sebagai panduan kepada guru dan murid.

Rujukan

Ahmad, M., Kasmani, M. F., Sipon, S., & Saleh, N. S. S. N. (2017). *Islamic Science Approach in Higher Education : The Agenda on The Integration of Naqli and Aqli Knowledge in USIM*. Proceeding IAIN Batusangkar, 806–811.

Al-'Ak, K. 'Abd al-R. (1986). *Usul Al-Tafsir wa Qawa'iduhu* (2nd ed.). Dar Al-Nafa'is.

Al-Ghazali, A. H. M. I. M. (1985). *Jawahir Al-Qur'an*. Dar Ihya' Al-'Ulum.

Al-Suyuti, 'Abd Al-Rahman Ibn Abi Bakr Jalal Al-Din. (1974). *Al-Itqan fi 'Ulum Al-Qur'an*. Al-Hai'ah Al-Misriyyah Al-'Ammah li Al-Kitab.

Ali, M. Z. M., Jaya, M. A., Jan, N. M., Said, N. H. I. M., Bakri, A. A. Z., & Subri, I. M. (2021). *Cadangan Kaedah Hafazan Tematik dengan Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli dan 'Aqli Kepada Murid Pintar Berbakat di Kolej GENIUS Insan USIM* (A. Ismail, S. Sulaiman, M. N. Musling, S. R. Mat, A. A. Rahman, H. 'Azeemi A. Thaidi, & N. R. S. M. Dali (Eds.); Issue September, pp. 436–450). USIM Press.

Hashim, M., Mohamed Yusof, A., Muhammad, N. A. F., Ja'afar, N., & Mohd. Raus, N. (2018). *Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dan Perbandingannya dengan Islamisasi*. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 2(Special Issue), 11–23. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol0no0.22>

Hilmi, A. B. A., Zakaria, Z., Spawi, M., Roslan, A. N. T., & Khalid, M. K. (2017). *Pembinaan Modul Pendidikan al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Pendekatan Di Kolej Permata Insan*. *Al-Qanadir*, 5(2), 20–31.

Hussin, R., A. Rahman, S. H., Yusoff, S. H., Sabran, R., & Hassan, F. (2019). *Barakah Ilmu Melalui Penggunaan Teknologi Komunikasi, Ipad dan Keberkesanannya*. *'Abqari Journal*, 20(2), 131–144. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.220>

- Islaieh, A. I. S., Jailani, M. R. M., Zainuddin, N., Kamaruddin, W. A. Z. W., & Zakaria, Z. (2020). ILeinitiative: Interactive Online Platform in Teaching and Learning Arabic for Gifted Students. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(6 Special Issue), 1317–1328.
- Mamat, M. A., Ibrahim, M. R., Wan Razali, W. M. F. A., Ismail, M. A. H., & Yusoff, M. F. Mu. (2020). Kaedah Penerapan dan Pengiraan Integrasi ilmu naqli dan aqli dalam Program Akademik USIM. *Universiti Sains Islam Malaysia*.
- Mohaiadi, J. (1999). Konstruktivisme: aplikasinya dalam reka bentuk pembelajaran berasaskan laman Web. In Y. Hashim & R. Man (Eds.) . Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pen. In Y. Hashim & R. Man (Eds.), *Teknologi Instruksi Dan Pendidikan Bestari: Persediaan Dan Cabaran Dalam Alaf Baru*.
- Motto, Misi & Visi – Kolej Genius Insan. (n.d.). Retrieved January 12, 2022, from <https://geniusinsan.usim.edu.my/misi-visi/>
- Narayan, R., Rodriguez, C., Araujo, J., Shaqlaih, A., & Moss, G. (2013). Constructivism — Constructivist learning theory. In B. J. Irby, G. Brown, R. Lara-Alecio, & S. Jackson (Eds.), *The handbook of educational theories* (pp. 169–183). IAP Information Age Publishing.
- Nawi, N. H. M. (2011). *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pedaste, M., Mäeots, M., Siiman, L. A., de Jong, T., van Riesen, S. A. N., Kamp, E. T., Manoli, C. C., Zacharia, Z. C., & Tsourlidaki, E. (2015). Phases of inquiry-based learning: Definitions and the inquiry cycle. *Educational Research Review*, 14, 47–61. <https://doi.org/10.1016/j.edurev.2015.02.003>
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Saleh, M. P., & Siraj, S. (2016). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran m-Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), 12–24.
- Tg Abdul Rahman, T. A. F., Ahmad Sukri, H. F., Hipni, H. I., Mohd Tarmizi, M. H., Nisham, M. R. R., Mohamed, M. A. H., Yusoff, M. A., Adnin, M. H., & Mohd Fauzi, M. N. (2021). Modified Monopoly Deal Game for Learning the Declension of Arabic Words. 14(1), 1–18. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.1.2021>
- Ültanir, E. (2012). An Epistemological Glance At the Constructivist Approach: Constructivist Learning in Dewey, Piaget, and Montessori. *International Journal of Instruction*, 5(2), 195–212.
- Yusuf, A. M. (2015). Gagasan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (USIM) Sorotan Awal dari Perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. In M. K. N. Z. Nazri (Ed.), *Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli Perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM* (pp. 15–26). *Universiti Sains Islam Malaysia*.
- Zainuddin, Z. A., & Suardi, A. (2008). Keberkesanan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, 1–7.